

Penduduk minta kerajaan sediakan sistem perparitan lebih sempurna

Elak banjir kilat berulang

Oleh NADIA SHAFUL BAHARI
dan KHAIRIYAH HANAFI
berita@kosmo.com.my

SERDANG – Kira-kira 1,000 penduduk Taman Sri Serdang (TSS) di sini yang terjejas teruk akibat kejadian banjir kilat baru-baru ini meminta kerajaan mencari jalan penyelesaian segera bagi mengelakkan peristiwa tersebut berulang.

Pengerusi Rukun Tetangga TSS, Khalid Lambak berkata, kerajaan seharusnya tampil membantu menyediakan sistem perparitan yang lebih sempurna, di samping mendalamkan longkang sedia ada.

“Penduduk telah kerugian ratusan ribu ringgit disebabkan kejadian baru-baru ini yang disifatkan terburuk pernah berlaku dalam tempoh 30 tahun sejak kawasan ini dibuka.

“Salah satu punca berlaku ban-

jir kilat ialah kesan daripada pembangunan pesat yang tidak terancang di kawasan ini,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Seorang penduduk, **Nahariah Yusof**, 59, berkata, pihak berkuasa seolah-olah tidak mengambil iktibar dengan kejadian banjir yang pernah melanda kawasan tersebut pada tahun 2006.

“Saya telah mengalami kerugian mencecah hampir RM100,000 melibatkan barangan elektronik dan perabot rumah,” katanya yang mengakui tidak sempat menyelamatkan harta benda kerana berseorangan di rumah ketika kejadian.

Seorang guru, **Zurita Yeh**, 29, berkata, kejadian banjir kilat itu disebabkan oleh kemudahan infrastruktur yang tidak seimbang dengan pembangunan yang di-

Penduduk cemas dilanda banjir kilat



KERATAN Kosmo! kemarin.

jalankan berdekatan kawasan itu.

“Pembangunan tidak menjadi

masalah sekiranya ia dapat diselaraskan dengan infrastruktur yang baik seperti menyediakan sistem perparitan yang dapat menampung aliran air ketika hujan,” katanya ketika ditemui di rumahnya di sini semalam.

Sementara itu, seramai 200 orang pelajar dan kakitangan Universiti Putra Malaysia (UPM) membantu membersihkan ru-

mah penduduk setempat dan bangunan sekolah yang terjejas akibat banjir kilat.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UPM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan turut hadir bagi menyampaikan sumbangan wang tunai RM400 kepada pelajar UPM yang terjejas akibat banjir tersebut.

